



PELAN STRATEGIK MPPD

2021-2025



Majlis Perbandaran Port Dickson
KM 1, Jalan Pantai, 71009 Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khusus
No telefon : 06-647 1122 /1335/4962/3904
No fax : 06-647 4984 / 646 2455
E mail : mppdns@mppd.gov.my
Portal MPPD : <http://www.mppd.gov.my/>

Penafian: Majlis Perbandaran Port Dickson tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang diakibatkan oleh penggunaan maklumat yang terdapat dalam penerbitan ini.

KANDUNGAN MUKA SURAT

Perutusan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan	I
Perutusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	III
Pra Kata Yang Di Pertuan Majlis Perbandaran Port Dickson	IV
Ringkasan Eksekutif	V
PENGENALAN ORGANISASI	
1. Sejarah Port Dickson	1
2. Pengenalan Organisasi	3
3. Punca Kuasa MPPD	7
ANALISIS ORGANISASI	
1. Penjajaran Pelan Strategik MPPD	9
2. Analisis Pemegang Taruh MPPD	10
3. Analisis Isu dan Cabaran Organisasi	11
4. Faktor Penentu Kejayaan	12
HALA TUJU STRATEGI	
1. Memacu Port Dickson Sebagai Bandar Destinasi Peranginan Dunia	13
2. Teras Strategik 1	14
3. Teras Strategik 2	20
4. Teras Strategik 3	25
5. Teras Strategik 4	29
6. Teras Strategik 5	33
PENUTUP	
1. Penutup	37



PERUTUSAN

YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Salam Bersih • Muafakat • Sejahtera

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, serta selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat-sahabat baginda serta para tabi'in dan mereka yang mengikuti jejak langkah baginda.

Sebagai sebuah Bandar Pantai Peranginan Negara atau *National Beach Resort Town* yang terkenal, mukim Port Dickson merupakan pusat pentadbiran daerah kerana di sini terletak bandar Port Dickson yang merupakan nadi atau penggerak utama sektor pentadbiran dan ekonomi di daerah ini. Kegiatan atau sumber ekonomi yang utama di sini ialah sektor perindustrian, perniagaan, nelayan dan perhotelan



Saya penuh yakin dan percaya, persekitaran lestari lagi sejahtera, jalinan infrastruktur yang selesa, dan masyarakat yang saling menghormati telah wujud di Bandar Port Dickson sejak sekian lama. Justeru, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Port Dickson 2021-2025 disediakan selaras dengan pengiktirafan Port Dickson sebagai *National Beach Resort Town* atau Bandar Pantai Peranginan Negara, Kawasan Pembangunan Zon Wellness dan Bandar Tentera Darat. Ianya turut dikaji bersama dengan komitmen warga kerja, pemegang taruh, komuniti, agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk pelabur-pelabur yang ada di Port Dickson dalam memperkukuh struktur pembangunan bagi pusat bandar-bandar utama sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam memajukan pelancongan dan juga memenuhi citarasa penduduk tempatan. Majlis juga mendokong bersama misi dan wawasan yang menentukan hala tuju dan arah pembangunan yang penuh cabaran dalam membangunkan satu identiti unik, tulen dan mempersonakan bagi Port Dickson sebagai destinasi percutian yang tiada tandingannya sambil menyediakan produk kegiatan pelancongan dan aktiviti riadah tepi pantai serta mempertingkatkan kemudahan asas dan awam.

Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kini berdepan dengan cabaran dari pelbagai sudut, antaranya ekspektasi pihak berkepentingan, pengaruh globalisasi dan tempatan serta kehendak masyarakat yang tiada had sempadan. Mahu tidak mahu, sebagai kerajaan peringkat ketiga yang paling hampir dengan masyarakat yang tiada had sempadan, perubahan dan penambahbaikan perlu sentiasa dilakukan dalam melangkaui atau setidak-tidaknya memenuhi ekspektasi tersebut dalam memperkukuhkan ekonomi tempatan menerusi rancangan pembangunan yang dirangka ke arah memanifestasikan Port Dickson sebagai bandar peranginan tepi pantai yang moden dan terkenal.

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Port Dickson 2021-2025 ini mengandungi lima (5) teras utama bersama objektif bersasar yang jelas bagi tujuan penilaian pencapaian kelak. 5 teras utama yang telah dibangunkan termasuklah:

1. Pemacu Pembangunan Tarikan Pelancongan Persisiran Pantai Antarabangsa
2. Keindahan dan Kelestarian Bandar Pelancongan
3. Bandar Pelancongan Selamat dan Pintar
4. Tadbir Urus Perbandaran Pelancongan yang Efektif
5. Pengembangan Sosio Ekonomi Berteraskan Pelancongan

Penetapan objektif dan inisiatif strategik mengikut kesesuaian setiap teras yang begitu komprehensif mencakupi kesemua operasi Jabatan, Bahagian dan Unit di dalam MPPD merangkumi pembabitan semua anggota pekerja. Lima tahun bukanlah satu jangka masa yang panjang. Justeru, menjadi tumpuan utama saya untuk melaksanakan proses pengukuhan dan pemantapan fungsi setiap Jabatan, Bahagian dan Unit bagi memastikan ianya berada di atas landasan fungsi tugas yang sepatutnya selain dapat memperkasakan lagi fungsinya sejajar dengan tarafnya sebagai Majlis Perbandaran, iaitu Majlis yang mendokong bersama misi dan wawasan yang menentukan hala tuju arah pembangunan yang penuh cabaran.

Dalam menjayakan misi tersebut, Majlis haruslah menyediakan perkhidmatan perbandaran yang efisien melalui pengurusan sumber dan fasiliti yang cekap dan lengkap serta peningkatan kualiti perkhidmatan berterusan. Selain itu, merancang dan melaksana pembangunan infrastruktur bandar yang mampan melalui penyediaan pelan yang komprehensif, kepakaran dan garis panduan yang sistematik. Akhir sekali, melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan melalui penggubalan undang-undang, penghayatan oleh warga, komuniti dan penguatkuasaan yang berkesan.

YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun

Menteri Besar, Negeri Sembilan

PRAKATA

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan-Nya, saya diberikan kesempatan dan ruang untuk menitipkan sepatah dua kata alu-aluan untuk buku Pelan Strategik Majlis Perbandaran Port Dickson 2021-2025. sudah menjadi amalan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan untuk sentiasa mengkaji, menambah baik dan menyusun keutamaan keperluan perancangan perbandaran dalam kesemua bidang dan aspek. Perancangan terperinci ini perlu direkod serta diterjemah dalam bentuk penerbitan Pelan Strategik dan dipantau daya capainya.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Di-Pertua, Tuan Mohd Zamri bin Mohd Esa dan seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) atas usaha yang telah digembleng dan dilaksanakan bertujuan untuk merealisasikan Pelan Strategik MPPD 2021-2025 ini.



Tempoh tahun 2021 hingga 2025 merupakan fasa peralihan yang kritikal memandangkan Port Dickson telah diiktiraf sebagai Pantai Peranginan Negara di mana Kerajaan Persekutuan telah mengiktiraf Port Dickson sebagai National Beach Resort Town atau Bandar Pantai Peranginan Negara di mana pengiktirafan ini diwartakan di dalam Pelan Perancangan Fizikal Negara untuk Negeri Sembilan.

Saya percaya seluruh warga kerja MPPD telah bersedia dalam menyahut cabaran untuk menjadikan MPPD sebagai sebuah organisasi yang sentiasa relevan dengan perubahan semasa serta mampu memenuhi jangkaan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan. Justeru, penghasilan naskah terbaharu ini adalah sebuah indikasi kesinambungan setiap perancangan jitu yang bakal direalisasikan dalam tempoh lima (5) tahun mendatang oleh MPPD.

Semoga usaha murni dalam menyediakan Pelan Strategik MPPD ini akan menjadikan MPPD sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai peneraju yang benar-benar dinamik dalam memperkasakan relung perkhidmatan untuk masyarakat umum dan pemain industri di dalam kawasan pentadbirannya.

Sekian, salam hormat.

YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik,
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

PRAKATA TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Hormat dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNYA Pelan Strategik Majlis Perbandaran Port Dickson 2021-2025 berjaya dilancarkan. Pelan strategik ini akan menjadi rujukan utama dalam perancangan operasi dan pengurusan organisasi untuk memacu hasrat dan wawasan merealisasikan transformasi MPPD menjadi Bandaraya menjelang 2045. Pelan Strategik MPPD 2021-2025 ini akan menggariskan pelan tindakan untuk merealisasikan hasrat dan impian tersebut dan mendokong segala keperluan dan kehendak pemegang taruh.

Port Dickson sudah terkenal sebagai kawasan tarikan pelancongan negara. MPPD sebagai pihak berkuasa tempatan yang mentadbir kawasan perbandaran ini, mempunyai tanggung jawab yang besar untuk mengekalkan tarikan pelancongan ini dan mengurus pantai warisan negara sebaiknya.

Wabak COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada sektor pelancongan negara dan ianya juga memberi impak yang besar kepada penurunan jumlah kehadiran pelancong tempatan dan luar negara ke Port Dickson. Oleh itu, cabaran dalam pelan strategik ini akan bertumpu kepada usaha mengembalikan dan mengembangkan tarikan Port Dickson sebagai bandar peranginan dan pelancongan utama dunia dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan perbandaran ke tahap yang lebih baik. Dalam kerangka pelan strategik ini juga, usaha akan digiatkan untuk mendokong wawasan KPKT dalam menjayakan agenda pembangunan perbandaran negara yang mampan dan membantu usaha ke arah pemulihan sosio-ekonomi tempatan.

Dalam Pelan ini 5 Teras Strategik telah digariskan bagi dijayakan sepanjang tahun 2021-2025:

- Teras Strategik 1 : Pemacu Pembangunan Tarikan Pelancongan Persisiran Pantai Antarabangsa
- Teras Strategik 2 : Keindahan dan Kelestarian Bandar Pelancongan
- Teras Strategik 3 : Bandar Pelancongan Selamat dan Pintar
- Teras Strategik 4 : Tadbir Urus Perbandaran Pelancongan Yang Efektif
- Teras Strategik 5 : Pengembangan Sosio Ekonomi Berteraskan Pelancongan

Semoga segala matlamat dan sasaran pencapaian pelan strategik ini dapat direalisasikan dalam tempoh yang dirancang serta memacu organisasi ke satu tahap yang boleh dibanggakan oleh semua lapisan warga kerja MPPD, penduduk setempat, pelancong dan rakyat Malaysia keseluruhannya.




Tuan Mohd Zamri Bin Mohd Esa
YBhg Tuan Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Port Dickson

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik MPPD 2021-2025 ini menggariskan halatuju dan matlamat strategik yang jelas, praktikal serta selari dengan fungsi dan peranan MPPD. Pelan ini menyenaraikan teras pencapaian, objektif strategik dan pelan tindakan serta sasaran pencapaian yang akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun akan datang. MPPD komited untuk meralisasikan wawasan menjadi bandaraya menjelang 2045. Pelan Strategik ini akan menjadi landasan penting kepada transformasi MPPD menjadi antara bandaraya utama di Malaysia menjelang 2045 yang beridentitikan pelancongan pantai bertaraf antarabangsa.

Sejajar dengan wawasan besar tersebut, Pelan Strategik ini akan menyediakan perancangan dan inisiatif strategik yang berimpak tinggi untuk merealisasikan transformasi tersebut. Pelaksanaan pelan strategik ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala di sepanjang tempoh lima tahun bagi memastikan pelaksanaannya berjaya mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Pelan Strategik ini juga akan menjadi dokumen rujukan penting kepada warga kerja MPPD dalam merancang, melaksana dan memantau segala projek dan program sepanjang tempoh 5 tahun tersebut.

Lima (5) Teras Strategik telah dikenalpasti bersama 20 Objektif Strategik untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2021-2025. Setiap objektif strategik tersebut akan disokong dengan pelbagai program dan inisiatif untuk memastikan objektif tersebut dapat dicapai sepenuhnya. Adalah menjadi harapan agar Pelan Strategik yang dibangunkan ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk memacu tadbir urus perbandaran berprestasi tinggi dan menjayakan wawasan negara.



KERANGKA PELAN STRATEGIK MPPD 2021-2025



VISI

Memacu Port Dickson Sebagai Bandar Destinasi
Peranginan Dunia

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran yang efisien melalui tadbir urus perbandaran yang berkualiti, pembangunan infrastruktur bandar yang mampan, penguatkuasaan undang-undang yang mantap dan pengembangan potensi tarikan pelancongan

TS4 Tadbir Urus Perbandaran Pelancongan Yang Efektif

- 4.1 Meningkatkan Kualiti dan Produktiviti Perkhidmatan Perbandaran
- 4.2 Memantapkan Kepakaran dan Kompetensi Warga Kerja MPPD
- 4.3 Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Kewangan dan Peningkatan Sumber
- 4.4 Meningkatkan Keberkesanan Pematuan Undang-Undang dan Peraturan

TS5 Pengembangan Sosio Ekonomi Berteraskan Pelancongan

- 5.1 Meningkatkan Akses Kepada Peluang Penjana Ekonomi Komuniti Berteraskan Pelancongan
- 5.2 Meningkatkan Peluang Pekerjaan Secara Berterusan
- 5.3 Mengembangkan Tarikan Ke Lokasi Perniagaan Setempat
- 5.4 Memastikan Pembangunan Perbandaran yang Inklusif dan Saksama

TS2 Keindahan dan Kelestarian Bandar Pelancongan

- 2.1 Menjayakan Program Pengindahan Bandar dan Lokasi Pelancongan
- 2.2 Meningkatkan Tahap Kebersihan Seluruh Kawasan Bandar dan Lokasi Pelancong
- 2.3 Meningkatkan Tahap Kesihatan Awam dan Pelancong
- 2.4 Menjayakan Agenda Bandar Hijau Rendah Karbon
- 2.5 Mengekalkan Warisan dan Identiti Setempat Menjadi Tarikan Pelancong

TS3 Bandar Pelancongan Selamat dan Pintar

- 3.1 Menyediakan Infra dan Fasiliti Lengkap Bandar Selamat dan Pintar
- 3.2 Memantapkan Sistem Komunikasi Dalaman Bandar Bagi Tindakan Membendung Jenayah
- 3.3 Melaksanakan Program Pengukuhan Komuniti Selamat
- 3.4 Memperkasa Institusi Komuniti Sebagai Agen Perubahan Ke Arah Bandar Selamat dan Pintar
- 3.5

TS1 Pemacu Pembangunan Tarikan Pelancongan Persisiran Pantai Antarabangsa

- 1.1 Menaiktaraf Kemudahan, Infrastruktur dan Utiliti Pelancongan yang Kondusif
- 1.2 Menggalakkan dan Mempromosikan Pelancongan Berasaskan *Meeting, Incentives, Conferences* dan *Exhibition Tourism* yang Berdaya Saing
- 1.3 Membangunkan Zon *Wellness* Berkualiti, Mesra Pengguna dan Komprehensif
- 1.4 Membangunkan Ekopelancongan bagi Kelestarian Alam Sekitar
- 1.5 Memperkasakan Tarikan Pelancongan Zon Budaya dan Warisan
- 1.6 Meningkatkan Potensi Pembangunan Zon Komersial yang Signifikan
- 1.7 Mempertingkatkan Projek Pembangunan Pelancongan Berasaskan Keperluan Semasa
- 1.8 Mengukuhkan Potensi Pelancongan Utama Dalam Peringkat Negeri dan Antarabangsa

BANDARAYA PORT DICKSON 2045